

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Harian Metro (Sarawak)

Hari/Tarikh: 17/11/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Syor IPTA adakan dialog bersama wakil industri



DR Alfred (kanan) menyampaikan ijazah kepada graduan pada sidang kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-20 di Kota Samarahan.

Kota Samarahan

Syor IPTA adakan dialog bersama wakil industri

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negeri ini dicadangkan supaya mengadakan satu dialog dengan wakil industri bagi membincangkan keperluan tenaga kerja di Sarawak dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pro Canselor UNIMAS Tan Sri Dr Alfred Jabu Numpang berkata, IPTA di negeri ini terutama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) boleh memanfaatkan dialog itu bagi penyesuaian

kandungan pengajian dan kokurikulum setiap program.

“Usaha ini bagi memastikan universiti mampu melahirkan graduan yang bercirikan kehendak pasaran.

“Dialog itu perlu mantap dan dinamik bagi memastikan pembangunan modal insan negara sentiasa diberi nafas baru,” katanya ketika berucap dalam Sidang Kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20, di sini, kelmarin.